UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
*The National University of Malaysia*

Pejabat Pro-Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur) | Pro-Vice Chancellor Office (Kuala Lumpur Campus)

**Rujukan : UKM KKL.3/102/2**
**Tarikh : 1 Mac 2019**

**PEKELILING JABATAN PENDAFTAR KKL Bil.1/2019**

**DEKAN/ PENGARAH/ KETUA/ PENGETUA**
**BAHAGIAN/ FAKULTI/ HOSPITAL/ INSTITUT/ KOLEJ KEDIAMAN**
**KAMPUS KUALA LUMPUR**
**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan ini sukacita dipanjangkan Surat daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia Rujukan JPA(S)187/20 Jld. 18 (2) bertarikh 16 Januari 2019 yang jelas maksudnya untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dan semua pegawai dan kakitangan.

3. Sehubungan dengan ini, sukacita YBhg. Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dapat memanjangkan perkara ini kepada semua pegawai dan kakitangan di Bahagian/Fakulti/Hospital/Institut/Kolej kediaman masing-masing. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini, pihak YBhg. Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Pegawai kami, Encik Muhamad Khairi Khalis di talian 03-9145 5104, Cik Siti Nur Shuhada Abdul Hamid di talian 03-9145 5103, dan Puan Noor Faezah Mohamed Supian di talian 03-9145 6491.

4. Sekian dulu untuk makluman dan perhatian pihak YBhg. Prof./Dato'Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./Datuk/Dato'Seri/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini amat kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian & Salam Hormat.

Yang benar,

**ROHAZAINI BINTI HASAN**
Timbalan Pengarah (Pentadbiran)
Jabatan Pendaftar Kampus Kuala Lumpur

s.k.

- **YBhg. Prof. Datuk Dr. A Rahman A Jamal**
  Pro Naib Canselor
  Kampus Kuala Lumpur

- **Puan Wan Omi Wan Yussop**
  Menjalankan Tugas Timbalan Pengarah
  Jabatan Bendahari Kampus Kuala Lumpur

- **Puan Zuraidah Konil**
  Ketua Bahagian Governan dan Pentadbiran
  Jabatan Pendaftar Kampus Kuala Lumpur

Berlampir

**PEJABAT TIMBALAN PENGARAH (PENTADBIRAN)**
**JABATAN PENDAFTAR KAMPUS KUALA LUMPUR**
d/a Aras 9, Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI), Jalan Ya'acob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon: +603-9145 9271 / 9268 Faksimili: +603-91717185 e-mel: zaini_rzh@ukm.edu.my Laman Web:http://www.ukm.my/provckl

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities* www.ukm.m

**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**
***DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE***
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
*Public Service Department, Malaysia*
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-88853001
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

JPA(S)187/20 Jld.18 ( 2 )

16 Januari 2019

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Kerajaan telah menyediakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian seperti dijelaskan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2015 (PP 6/2015) dan Surat Edaran JPA(S)187/20 Jld.16 (41) bertarikh 17 Ogos 2018. Dalam hal ini, Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah dilantik sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian di bawah Takaful My Ar-Rehlah bagi tempoh sehingga **31 Disember 2018**.

3. Sehubungan itu, bagi memastikan kesinambungan kemudahan ini kepada pegawai Perkhidmatan Awam tidak terjejas semasa proses peralihan dan pelantikan syarikat penanggung insurans yang baharu, mulai **1 Januari 2019 sehingga satu tarikh yang akan diumumkan kelak**, pegawai Perkhidmatan Awam yang akan keluar negara atas urusan persendirian boleh menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan mengikut peraturan-peraturan seperti berikut:

(a) secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) di mana pegawai hendaklah mendahulukan bayaran premium dan kemudian menuntut balik bayaran berkenaan daripada Ketua Jabatan masing-masing dengan menyertakan resit berkaitan;

(b) kadar premium yang ditetapkan adalah terhad kepada kadar premium mengikut negara dilawati seperti di **Lampiran A**; dan

(c) pegawai yang membuat tuntutan bayaran balik premium dianggap telah menggunakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian bagi tahun 2019.

4. Dalam melaksanakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian secara tuntutan bayaran balik (*reimbursement*) seperti di perenggan 3 di atas, syarat-syarat pelaksanaan seperti yang diperuntukkan dalam perenggan 4, 5 dan 6 PP 6/2015 adalah terpakai.

5. Bagi lawatan persendirian yang lain dalam tahun kalendar yang sama yang mana perlindungan insurans kesihatan tidak ditanggung oleh Kerajaan, Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai Perkhidmatan Awam diwajibkan mengambil perlindungan insurans kesihatan atas tanggungan sendiri sebelum boleh dibenarkan ke luar negara atas urusan persendirian.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATUK SERI BORHAN BIN DOLAH)**

s.k.

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62592 PUTRAJAYA**

Ketua Audit Negara Malaysia
Jabatan Audit Negara
No. 15, Aras 4, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62518 PUTRAJAYA**

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 1-8, Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
**62594 PUTRAJAYA**

Lampiran A

# KADAR PREMIUM INSURANS KESIHATAN BAGI KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

| Bil Hari | Kadar Premium Insurans Kesihatan (RM) | | |
|---|---|---|---|
| | Kawasan 1 | Kawasan 2 | Kawasan 3 |
| 1-5 | 32 | 42 | 52 |
| 6 - 10 | 46 | 64 | 80 |
| 11 - 18 | 62 | 103 | 120 |
| 19 - 31 | 72 | 119 | 170 |

| | |
|---|---|
| Kawasan 1 | Singapura, Brunei, Thailand, Indonesia, Filipina, Myanmar, Nepal, Kemboja, Laos, China, India, Jepun, Korea Selatan, Korea Utara, Pakistan, Sri Lanka, Taiwan, Vietnam, Hong Kong, Macau dan di dalam Malaysia. |
| Kawasan 2 | Seluruh dunia kecuali USA/ Kanada dan negara-negara di Kawasan 1. |
| Kawasan 3 | USA/Kanada |